



17-22 SEPTEMBER 2018
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
www.cepsi2018kl.org



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/05/31 (HQ)

KERJA-KERJA PENGOREKAN JEJAS BEKALAN ELEKTRIK DI SETAPAK DAN WANGSA MAJU

Tenaga Nasional Berhad (TNB) ingin memaklumkan bahawa keupayaannya memberikan bekalan elektrik berdaya harap kepada lebih 10,000 penduduk di beberapa kawasan sekitar Setapak dan Wangsa Maju terjejas sejak enam bulan lalu akibat kerja-kerja pengorekan oleh kontraktor lebuhraya yang sedang dibina di kawasan tersebut.

Sejak November 2017 lagi, 14 insiden kerosakan kabel bawah tanah TNB dikenalpasti berlaku akibat kerja-kerja pembinaan berkenaan, sehingga menjelaskan bekalan elektrik kepada pengguna terlibat.

Gangguan bekalan berikutan kerja-kerja pengorekan kontraktor itu telah menyebabkan ketidakselesaan serta kerugian kepada pengguna selain kerugian kepada TNB sendiri.

Sehingga kini, TNB telah mengesan peningkatan perbualan di media sosial mengenai gangguan bekalan berkenaan, selain menerima 550 panggilan di TNB CareLine 15454.

TNB sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa berkaitan untuk mengambil tindakan sewajarnya di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 7 Mei 2018, jam 4.00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 /
Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 atau E-mel ke media@tnb.com.my*